

JABATAN PELAJARAN MELAKA
JALAN BUKIT BARU,
PETI SURAT No. 62,
75150 BUKIT BARU,
MELAKA

HEM/Dadah : 06-2325630
Fax : 06-2312326
Sukan : 06-2328276
Fax : 06-2312845
Kokurikulum : 06-2324804
Fax : 06-2312848
Pendidikan Islam : 06-2327197
Fax : 06-2332949

Ruj. Kami : JPM.SPPK.HEM.100-1/2/1Jld.3()
Tarikh : 30 Disember 2011

Pengetua / Guru Besar,
Sekolah-Sekolah Negeri Melaka.

Tuan,

PENGGUNAAN BUKU TEKS BAGI PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SAINS DAN MATEMATIK DI BAWAH DASAR MBMMBI

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat kami JPM.SPPK.HEM.100-1/2/1Jld.3 (67) adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan terdapat **ralat pada para tiga (3)** dalam surat tersebut seperti di bawah:-

“Sehubungan itu, pihak sekolah diingatkan tidak membuat pelupusan buku teks Sains dan Matematik KBSM Dasar PPSMI (versi Bahasa Inggeris) sehingga dimaklumkan kemudian”.

Pembetulan ralat tersebut adalah seperti berikut:-

“Sehubungan dengan itu, pihak sekolah diingatkan tidak membuat pelupusan buku teks Sains dan Matematik **KBSR** dan KBSM Dasar PPSMI (versi Bahasa Inggeris) sehingga dimaklumkan kemudian”.

3. Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut sila hubungi **Pn. Hjh. Noraini bt. Abd Rahman, Penyelia SPBT, Unit Hal Ehwal Murid, JPN Melaka di talian 06-2326936 / 019-7550409.**

Kerjasama dan keprihatinan pihak tuan amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(**HAJI MOHAMAD SAPIAN BIN SIRAN**)

Ketua Sektor,

Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan,
b.p. Pengarah Pelajaran Melaka.


- s.k. :
1. Pengarah Pelajaran Negeri Melaka
 2. Pejabat Pelajaran Daerah Melaka Tengah / Jasin / Alor Gajah
 3. Fail Penyelaras



BAHAGIAN BUKU TEKS
(Textbook Division)
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
(Ministry of Education Malaysia)
ARAS 1-3, BLOK E15, KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENYADIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62804 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8884 4498
No. Fax : 03-8888 6859
Laman Web : <http://www.moe.gov.my/bbt>

1



"1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

F.tj.Kami KP.BT.100.8945/Jld. 33 (36)

Tarikh : 14 November 2011

18 Zulhijah 1433

SEGERA

Handwritten notes:
Tanjung Kanan SPBT
R. Haja Nohani
- S/L - u - akh
S
30/12/2011

Semua Pengarah
Jabatan Pelajaran Negeri
Jabatan Agama Islam Negeri

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PENGGUNAAN BUKU TEKS BAGI PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SAINS DAN MATEMATIK DI BAWAH DASAR MBMMBI

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Perkara 3 Surat Pekeliling Ihtisas Bilangan 12 Tahun 2011 bertarikh 4 November 2011 berkaitan dengan Pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) menyatakan bahawa:

Surat Pekeliling Bil. 12/2011 ini bertujuan menjelaskan pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Pada prinsipnya, surat pekeliling ini masih mengekalkan keputusan dasar yang dibuat oleh Jemaah Menteri pada 8 Julai 2009, iaitu mengekalkan kedaulatan bahasa kebangsaan. Keputusan ini membolehkan murid sekolah rendah dan menengah yang telah mengikuti pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik dalam BI pada atau sebelum tahun 2010 meneruskan penggunaan BI sehingga tamat Tingkatan Lima berdasarkan kesediaan guru dan murid sekolah.

3. Sehubungan itu, pihak Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan diminta untuk memaklumkan perkara ini kepada Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan sekolah-sekolah di bawah kawalan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) supaya tidak membuat pelupusan buku teks Sains dan Matematik KBSM Dasar PPSMI (versi Bahasa Inggeris) sehingga dimaklumkan kemudian.

4. Kerjasama Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Signature of JAME ALIP ASBK

(JAME ALIP ASBK, BSK)
Pengarah
Bahagian Buku Teks
Kementerian Pelajaran Malaysia

Sektor,
Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan,
Jabatan Pendidikan Melaka.

Tarikh Terima:	=
No. Fail:	
Sindakan:	<i>Handwritten signature</i>
Catatan:	

- s.k 1. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM)
- 2. TKPPM Sektor Dasar dan Pembangunan
- 3. Fail BBT





BAHAGIAN BUKU TEKS
(Textbook Division)
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
(Ministry of Education Malaysia)
ARAS 1-3, BLOK E15, KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA

1
Telefon : 03-8884 4498
No. Fax : 03-8888 6859
Laman Web : <http://www.moe.gov.my/bbt>

"1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Ruj.Kami : KP.BT.100.8945/Jld.33(44)
Tarikh : 23 Disember 2011 M
27 Muharam 1433 H

Semua Pengarah
Jabatan Pelajaran Negeri
Jabatan Agama Islam Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PENGUNAAN BUKU TEKS BAGI PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN SAINS DAN MATEMATIK DI BAWAH DASAR MBMMBI**


Dengan segala hormatnya Bahagian ini merujuk kepada perkara di atas dan surat kami KP.BT.100.8945/Jld. 33 (36) bertarikh 14 November 2011 adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan terdapat ralat pada para tiga (3) dalam surat tersebut seperti di bawah:

"Sehubungan itu, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan diminta untuk memaklumkan perkara ini kepada Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan sekolah-sekolah di bawah kawalan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) supaya tidak membuat pelupusan buku teks Sains dan Matematik KBSM Dasar PPSMI (Versi Bahasa Inggeris) sehingga dimaklumkan kemudian".

Pembetulan ralat tersebut adalah seperti berikut :

"Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah diminta untuk memaklumkan perkara ini kepada Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan sekolah-sekolah yang berada di bawah kawalan Jabatan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan supaya tidak membuat pelupusan buku teks Sains dan Matematik KBSR dan KBSM Dasar PPSMI (versi bahasa Inggeris) sehingga dimaklumkan kemudian".




... 3. Bersama-sama ini disertakan surat yang berkaitan untuk rujukan dan tindakan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan. Kerjasama daripada YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan diminta untuk memaklumkan semula perkara ini kepada Pejabat Pelajaran Daerah dan sekolah-sekolah di bawah kawalan Jabatan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan.

4. Kesilapan yang berlaku amat dikesali dan Bahagian ni memohon maaf atas kesulitan yang timbul. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam hal ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(JAME ALIP ASPK, BSK)
Pengarah
Bahagian Buku Teks
Kementerian Pelajaran Malaysia

- s.k. :
1. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM)
 2. TKPPM Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan
 3. TKPPM Sektor Operasi Pendidikan
 4. Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
 5. Pegawai Pelajaran Daerah
 6. Fail